

NO SOALAN :353

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG
(IPOH TIMUR)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah-kaedah atau syarat yang dilaksanakan untuk memantau dasar Kad Perubatan Hospital yang dijalankan oleh Syarikat-syarikat insurans swasta di Malaysia. Bagaimana Kerajaan memastikan bahawa Syarikat tidak mengenakan premium yang keterlaluan .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat insurans dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dalam menentukan harga produk insurans, terma kontrak dan pendedahan maklumat yang mencukupi

bagi melindungi kepentingan konsumen. Ini termasuk larangan kenaikan kadar premium yang tidak menggambarkan pengalaman kumpulan risiko yang pelbagai secara munasabah, tidak mendiskriminasi kumpulan pemegang polisi tertentu dan menyediakan pilihan alternatif kepada pemegang polisi bagi mengekalkan perlindungan insurans berikutan kenaikan kadar premium. Pematuhan terhadap peraturan-peraturan tersebut dipantau oleh BNM melalui pemfailan produk dan pemeriksaan di premis terhadap amalan syarikat-syarikat insurans oleh BNM.

Langkah-langkah juga sedang diselaraskan bersama Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan ketelusan caj hospital swasta bagi membantu proses penilaian tuntutan insurans. Ini boleh menyumbang kepada pengurusan kos yang lebih baik dan membendung kenaikan kadar premium akibat daripada inflasi kos kesihatan. Antara tahun 2012 sehingga 2014, peningkatan kadar premium insurans kesihatan telah didorong oleh inflasi kos kesihatan yang tinggi pada kadar purata sebanyak 12 peratus. Keadaan ini dialami bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat global, yang mana kos perbelanjaan kesihatan, iaitu dalam peratusan GDP pada tahun 2014, di kebanyakan negara seperti Jepun sebanyak 10.2 peratus, Australia sebanyak 9.4 peratus, United Kingdom sebanyak 9.1 peratus dan Singapura sebanyak 4.9 peratus adalah lebih tinggi berbanding

Malaysia, iaitu hanya 4.2 peratus.